



UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA
The National University of Malaysia

IKLAN JAWATAN KOSONG JABATAN BENDAHARI, UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA

Jabatan Bendahari, UKM mempelawa Warganegara Malaysia yang berkelayakan, komited dan berdedikasi untuk berkhidmat di organisasi kami bagi jawatan seperti berikut:

Jawatan : Pembantu Tadbir (Kewangan) W1

Klasifikasi Perkhidmatan : Kewangan

Kumpulan Perkhidmatan : Pelaksana

Taraf Jawatan : Kontrak

SYARAT LANTIKAN

- a) Warganegara Malaysia; dan
- b) Berumur tidak kurang daripada 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan; dan
- c) Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:

Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan dan Kepujian dalam subjek Matematik, Perdagangan atau Prinsip Perakaunan pada peringkat peperiksaan tersebut.

(Gaji permulaan ialah pada Gred W1: RM1,500.00)

SYARAT KELAYAKAN BAHASA MELAYU

Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

SYARAT TAMBAHAN

- a) Mempunyai pemahaman tentang asas-asas perakaunan, seperti sistem perakaunan, prinsip perakaunan yang diterima umum (GAAP) dan pengurusan kewangan yang tepat;
- b) Boleh bekerja secara berkumpulan serta menjalankan tugas lain seperti yang diarahkan oleh Ketua Bahagian/Projek di bawah pengawasan minimum;

- c) Boleh menggunakan *Microsoft Word, Excel* dan *Powerpoint* dengan baik;
- d) Boleh bertutur dan menulis dalam Bahasa Malaysia dan Bahasa Inggeris dengan baik;
- e) Bersedia menerima arahan kerja lebih masa (sekiranya diperlukan);
- f) Bersedia untuk bekerja di lapangan/luar bandar (sekiranya diperlukan);
- g) Tidak pernah dikenakan sebarang tindakan tatatertib dan bebas dari pertuduhan mahkamah;
- h) Mempunyai pengalaman kerja dalam bidang berkaitan. Walau bagaimana pun, calon yang baharu menamatkan persekolahan dengan memperoleh Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) juga digalakkan untuk memohon.

CARA MEMOHON

Calon yang berminat dan berkelayakan, sila lengkapkan **maklumat diri dan hantarkan resume/CV terkini serta salinan sijil akademik** pada pautan berikut:

<https://forms.gle/Tw865heZctC6P8Gp7>



Sebarang pertanyaan, sila hubungi kami di talian 03-8921 3399/ 5134 atau emel kepada pentadbiranbendahari@ukm.edu.my.

Tarikh Tutup Permohonan : 13 Mac 2026 (Jumaat)

Hanya calon-calon yang layak selepas tapisan sahaja yang akan dipanggil menghadiri sesi temubual. Sekiranya calon tidak menerima sebarang maklumat selepas **satu (1) bulan** dari tarikh tutup permohonan, calon dianggap gagal melepasi saringan pertama.